

Edisi 2 | 2025 | Bilangan 51 | Edaran Percuma

# WADAH

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak



## 108 PELAJAR ASNAF SERTAI
PROGRAM HIJRAH ASNAF KE MENARA GADING

## MAIPk PRIHATIN RINGANKAN BEBAN
KELUARGA ASNAF




## TVET MAIPk BANTU ASNAF KE
INDUSTRI MINYAK & GAS

www.maipk.gov.my

# Sidang Redaksi

# Edisi 2 | 2025 | Bil. 51 Wadah

**PENASIHAT**
Syamsul Hazeman bin Md Salleh
*Ketua Pegawai Eksekutif*

**KETUA EDITOR**
Munawir bin Mohamed Noh
*Pengurus Besar Bahagian Komunikasi Strategik, Sekretariat & Adat Melayu*

**EDITOR**
Norhidayu binti Sakdon
*Pengurus Unit Komunikasi Strategik*

Mohd Yakop bin Ikram
*Penolong Pengurus Unit Komunikasi Strategik*

**JURUFOTO**
Hamizul bin Othman
*Pembantu Tadbir Unit Komunikasi Strategik*

Nurul Farzana binti Ahmad Shah
*Pembantu Tadbir Unit Komunikasi Strategik*

Amirulkhalid bin Ahmad
*Pembantu Tadbir Unit Sekretariat*

**EDARAN**
Unit Komunikasi Strategik

**DITERBITKAN OLEH:**
Unit Komunikasi Strategik
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak,
Tingkat 6, Kompleks Islam Darul Ridzuan.
30000 Ipoh, Perak.
Tel: 05-2084000 Faks: 05-2414257

Laman web: www.maipk.gov.my
https://wakafperak.gov.my/

Emel: korporat@maipk.gov.my

Facebook: Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

Instagram : ZakatPerak_Official

Tiktok : MajlisAgamaIslamPerak

# Isi Kandungan

| | |
|---|---|
| Sidang Redaksi | 2 |
| Semasa | 3 - 8 |
| Keratan Akhbar | 9 - 12 |
| Program Agihan Zakat | 12 |

# 108 PELAJAR ASNAF SERTAI HIASMEGA 2025



**IPOH, 9 Mei 2025 -** Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) telah menganjurkan Program Hijrah Asnaf ke Menara Gading (HiAsMeGa) melibatkan seramai 108 pelajar penerima bantuan biasiswa MAIPk dari seluruh negeri Perak. Program ini telah berlangsung selama tiga hari, bermula 5 hingga 7 Mei 2025, bertempat di Hotel Seri Malaysia.

Sepanjang program ini, para peserta dibimbing dalam merancang masa depan pendidikan mereka – merangkumi pengiraan merit, pengisian permohonan UPU, serta taklimat berkaitan bantuan pendidikan daripada pelbagai agensi termasuk UiTM, Yayasan Perak, Unit Pinjaman Pendidikan SUK Ipoh, dan MARA.




Majlis penutup telah disempurnakan pada hari ketiga oleh Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat MAIPk, Suhaimi bin Yusoff. Turut hadir Pengurus Bahagian Agihan Zakat, Mohamad Hafizi bin Mohamah Nor. Diharapkan program ini memberi impak positif dalam kehidupan dan pembangunan diri peserta, serta menyuntik semangat untuk melangkah yakin menuju kejayaan.

HiAsMeGa – Hijrah Ilmu Menuju Puncak!

"Usaha dan doa tak pernah sia-sia, bila niat ikhlas kerana Yang Esa."









# TVET MAIPk : LALUAN PANTAS ASNAF KE INDUSTRI MINYAK & GAS




**IPOH, 18 Mei 2025 -** Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) mengadakan Majlis Pelepasan Peserta Latihan Kemahiran Asnaf melibatkan 60 peserta dalam bidang minyak dan gas. Para peserta akan mengikuti tiga kursus berbeza iaitu *Pipe Fitting, Blasting & Painting,* serta *Rigger & Scaf folding* di SRC Global Sdn. Bhd., Kemaman, Terengganu.

Program yang dinamakan "Sesi Inspirasi" ini dianjurkan bagi menyuntik semangat serta menghargai para peserta sebelum mereka melapor diri di pusat latihan. Majlis dimulakan dengan taklimat kursus oleh penyedia latihan, disusuli sesi motivasi yang disampaikan oleh Pengurus Besar Bahagian Pemerkasaan Asnaf MAIPk, Amirudin bin Osman.

Program *Plain & Train* di bawah Latihan Kemahiran Asnaf adalah salah satu usaha MAIPk untuk terus memperkasa belia asnaf di negeri Perak. Peserta akan dilatih menjadi tenaga kerja mahir seterusnya profesional teknikal dalam bidang *Pipe Fitting, Blasting & Painting,* serta *Rigger & Scaf folding.*

Bagi tahun 2025, MAIPk menyasarkan 1,000 peserta menyertai latihan kemahiran pelbagai bidang di bawah Program Latihan Kemahiran. Diharapkan usaha ini terus melahirkan tenaga mahir berdaya saing daripada golongan asnaf, seterusnya memperkukuh sosioekonomi komuniti.







# MAIPk TERUS PRIHATIN RINGANKAN BEBAN 5 KELUARGA ASNAF





**SERI ISKANDAR, 22 Mei 2025 -** Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) Daerah Seri Iskandar telah turun padang menziarahi dan menyantuni asnaf menerusi Program Ziarah Asnaf yang dilaksanakan di kawasan Parit, Bota dan Simpang Tiga.Hampir RM90,000 telah disalurkan dalam bentuk bantuan perubatan, modal dan bina rumah kepada lima keluarga asnaf yang memerlukan.

Penyerahan bantuan telah disempurnakan oleh Orang Besar Jajahan Kuala Kangsar, YDH Toh Maharaja Indera Dr. Haji Khairil Anuar bin Arshad bersama Ahli Majlis, Puhaz bin Salleh. Turut hadir, Pengurus Besar Zon Tengah, Shaiful Nizam bin Not, Pengurus Cawangan Seri Iskandar, Ahmad Fadzil bin Mustaffa serta Pengurus Bahagian Agihan Zakat, Nur Fatin Azarina binti Nor Affendy.

MAIPk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para pembayar zakat atas kepercayaan dan sokongan yang diberikan. MAIPk akan terus komited memberikan perkhidmatan terbaik serta mengurangkan jurang sosioekonomi masyarakat melalui pelbagai program yang lebih strategik dan berkesan.







# SEMINAR MOTIVASI DAN HALATUJU USAHAWAN MAIPk SIRI 1/2025




**IPOH, 7 Mei 2025 -** Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) terus komited memperkasa ekonomi asnaf dengan menganjurkan Seminar Motivasi dan Halatuju Usahawan MAIPk Siri 1/2025 selama tiga hari, bermula 5 hingga 7 Mei 2025. Seminar ini memberi penekanan kepada topik-topik penting dalam keusahawanan seperti perlindungan perniagaan, pengurusan kewangan, percukaian, pembayaran zakat, serta penghayatan konsep keberkatan dalam perniagaan.

Program ini juga bertujuan untuk meningkatkan kebolehan, kemahiran dan produktiviti para peserta agar mereka menjadi usahawan yang berilmu, berdikari, berdaya tahan dan berdaya saing.Seramai 50 orang usahawan terpilih di bawah Program Pemerkasaan Ekonomi Asnaf (PROPER A) tahun 2024 telah menyertai seminar ini. MAIPk menyasarkan agar para usahawan PROPER A bukan sahaja beroleh kejayaan dalam perniagaan, tetapi turut menjadi pembayar zakat serta bersedia mengembangkan perniagaan mereka ke tahap yang lebih tinggi dan mapan.












# KERJASAMA STRATEGIK MAIPk - FARM FRESH LONJAK POTENSI KEUSAHAWANAN ASNAF

**IPOH, 13 Mei 2025 -** Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) terus komited memperkasakan golongan asnaf menerusi Program Pemerkasaan Ekonomi Asnaf (PROPER A) dengan menjalin kerjasama strategik bersama Farm Fresh Berhad bagi melahirkan usahawan baharu dalam bidang pemasaran dan penjualan produk syarikat tersebut.MAIPk telah membelanjakan sebanyak RM58,084.20 sebagai modal pusingan serta kelengkapan perniagaan kepada 15 peserta yang terpilih berdasarkan kelayakan dan kriteria yang ditetapkan. Kesemua peserta telah menjalani kursus intensif selama satu hari di RTC Gopeng dan menerima latihan penuh sebagai ejen jualan produk Farm Fresh.

Majlis Perasmian dan Penyerahan Bantuan telah disempurnakan oleh Pengurus Besar Bahagian Pemerkasaan Asnaf, Amirudin bin Osman. Turut hadir ialah Pengurus Besar Farm Fresh Berhad, Abdullah bin Bakri. Pihak MAIPk dan Farm Fresh akan memberikan bimbingan dan pemantauan secara berkala bagi memastikan peserta berkembang menjadi komuniti usahawan yang produktif dan berdaya saing. Selain itu, program ini dijangka dapat menambah nilai kepada produk yang ditawarkan oleh peserta dalam usaha melestarikan perniagaan mereka ke arah yang lebih mampan dan berjaya. Sama-sama kita doakan agar perniagaan para usahawan ini berjalan lancar dan berjaya, seterusnya mampu menyumbang kembali kepada ummah melalui zakat, insya-Allah.











Edisi 2 | 2025 | Bilangan 51
WADAH
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

# PROGRAM MESRA HARI BERTEMU PELANGGAN KERAJAAN NEGERI PERAK SIRI 3/2025







**BATU GAJAH, 26 Mei 2025 -** Program Mesra Hari Bertemu Pelanggan Kerajaan Negeri Perak Siri 3/2025 sedang berlangsung di Dewan Bandaran Kinta, Batu Gajah. Pengurus Besar Bahagian Komunikasi Strategik, Sekretariat dan Adat Melayu, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, Munawir bin Mohamed Noh turut hadir bagi menyantuni para pelanggan serta mendengar sendiri pandangan dan maklum balas yang dikongsikan.

MAIPk mengalu-alukan kerjasama orang ramai untuk menjadi mata dan telinga masyarakat dalam menyalurkan maklumat berkaitan golongan asnaf yang memerlukan bantuan. MAIPk juga komited dalam menyelesaikan isu-isu berkaitan wakaf serta menggalakkan masyarakat untuk bersama-sama menghidupkan amalan berwakaf demi kebaikan dan manfaat bersama. Semoga dengan keprihatinan dan sokongan semua pihak, tiada yang terpinggir daripada menerima bantuan yang sewajarnya, dan potensi wakaf dapat dimanfaatkan sepenuhnya untuk kesejahteraan ummah.






# KERATAN AKHBAR





KAKITANGAN Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak bergambar kenangan ketika menghadiri majlis minum petang bersama pembayar zakat korporat, penyerahan skim bantuan kebajikan siswa institusi pengajian tinggi dan bantuan per kapita rumah perlindungan anak yatim di Casuarina @ Meru, Ipoh, Perak baru-baru ini.



## Pusat Pengeluaran Benih Padi Sah Perak jadi rujukan

### Kemudahan dilengkapi teknologi moden pastikan keterjaminan makanan negara

Oleh Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi
bhnews@bh.com.my



*Sultan Nazrin bersama Tuanku Zara berkenan melawat Pusat Pengeluaran Benih Padi Sah di Parit Buntar selepas majlis perasmiannya, semalam.* (Foto BERNAMA)

**Parit Buntar:** Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Perak melancarkan Pusat Pengeluaran Benih Padi Sah yang dilengkapi teknologi moden, sebagai usaha menyokong kelangsungan bekalan benih padi berkualiti tinggi, selain menjadi pusat rujukan utama padi negara.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata pusat berkenaan bukan sekadar kemudahan pengeluaran benih, malah menjadi nadi baharu kepada lebih 16,000 pesawah di negeri ini yang mengusahakan tanaman padi seluas 36,000 hektar.

"Dengan kapasiti pengeluaran 5,000 tan setahun atau 250,000 beg benih padi sah, pusat ini dijangka berperanan penting memastikan keterjaminan makanan negara dan membela nasib pesawah.

"Lebih membanggakan, ia turut membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat dan bakal menjadi pusat rujukan utama negara dalam pengeluaran benih padi berkualiti," katanya ketika berucap pada majlis Perasmian Pusat Pengeluaran Benih Padi Sah berkenaan, di sini semalam.

Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah menyempurnakan majlis perasmian pusat berkenaan.

Turut berangkat Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim dan Raja Di Hilir Perak, Raja Iskandar Dzurkarnain Sultan Idris Shah.

Hadir sama, Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad.

Mohamad Sabu berkata, terdapat tiga lagi pusat pengeluaran benih padi sah di Pulau Pinang, Selangor dan Kedah bertujuan melengkapkan rantaian nilai industri padi.

**Reformasi industri padi**

Beliau berkata, pelancaran pusat itu seiring dengan dua agenda besar Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan tahun ini, iaitu reformasi industri padi dan beras serta peningkatan produktiviti sektor ruminan seperti daging lembu dan kerbau.

Katanya, industri padi kini memerlukan pendekatan baharu yang lebih menyeluruh, bukan sahaja untuk mencapai kemandirian bekalan, tetapi meningkatkan pendapatan pesawah serta menjadikan sektor itu lebih mampan dan berdaya saing.

"Kita berdepan cabaran cuaca dan peningkatan permintaan. Jika sekarang pengeluaran beras hanya pada tahap 56 peratus, kita perlu tingkatkan kepada sekurang-kurangnya 71 peratus untuk menjamin keperluan negara mencukupi," katanya.

Mohamad berkata, kewujudan pusat itu bukan sekadar memenuhi keperluan pesawah tempatan, tetapi pelaburan jangka panjang yang mampu merangsang pembangunan ekonomi dan sosial kawasan sekitar.

SEMPENA HARI GURU 2025
TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN
Sinar Harian
NASIONAL 3
JUMAAT 16 MEI 2025 • SINAR HARIAN

# Sultan Nazrin perkenan 115 guru baca khutbah Jumaat

**IPOH** – Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan membenarkan seramai 115 orang pendidik di negeri ini untuk menyampaikan khutbah Jumaat sempena sambutan Hari Guru hari ini.

Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk), Tan Sri Mohd Annuar Zaini berkata, perkenan baginda itu merupakan pengiktirafan terhadap peranan penting golongan pendidik dan guru di negeri Perak.

Menurutnya, bersempena sambutan Hari Guru, Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) telah menyediakan teks khutbah Jumaat bertajuk Guru Rabbani: Membangun Kemuliaan Insan untuk dibaca pada 16 Mei.

"Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri telah memperakukan nama 115 orang Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di negeri Perak untuk diangkat sembah kepada Sultan Perak bagi mendapat perkenan baginda agar dibenarkan menyampaikan khutbah Jumaat sebagai khatib jemputan di masjid-masjid seluruh negeri.



SULTAN NAZRIN

"Mengiktiraf peranan penting pendidik dan guru, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah telah memperkenankan 115 orang pendidik di Perak untuk menyempurnakan peranan sebagai khatib jemputan di 115 buah masjid," katanya menerusi kenyataan pada Khamis.

Antara individu yang diberikan perkenan menyampaikan khutbah ialah Ketua Penolong Pengarah Kanan Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Perak, Wan Ahmad Salahuddin Wan Ahmad Rafaii yang dijadualkan menyampaikan khutbah di Masjid Sultan Idris Shah II (Masjid Negeri Perak).

Turut terlibat ialah Penolong Kanan Kokurikulum Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Maahad Al-Ummah, Suhaimi Latip yang dijadualkan menyampaikan khutbah di Masjid Muhajirin, Kampung Ulu Chepor; serta Penolong Kanan Kokurikulum Sekolah Kebangsaan Sungai Tiang Darat, Ahmad Fauzi Noordin, yang akan menyampaikan khutbah di Masjid Al-Wastiah, Kampung Sungai Haji Muhammad, Bagan Datuk.

34 KOMUNITI KITA!
KOSMO! SABTU 10 MEI 2025

**KANAN:** Seramai 50 usahawan asnaf menyertai Seminar Motivasi dan Halatuju Usahawan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) Siri 1/2025 di bawah Program Pemerkasaan Ekonomi Asnaf MAIPk di Ipoh, Perak baru-baru ini.




34 KOMUNITI KITA!
KOSMO! SABTU 17 MEI 2025



**BAWAH:** Penerima bantuan biasiswa Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak bergambar selepas menyertai Program Hijrah Asnaf ke Menara Gading (HiAsMeGa) 2025 di Ipoh, Perak baru-baru ini.

# PROGRAM AGIHAN ZAKAT
## PEMERKASAAN PENDIDIKAN

